

PERATURAN DAN SYARAT PENYEWAAN DEWAN SERBAGUNA DAN KOMPLEKS SUKAN

BAHAGIAN A : SEWAAN

1. **Bayaran deposit** perlu dijelaskan setelah tempahan dibuat dan **selewat-lewatnya dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh tempahan**. **Bayaran sewa** hendaklah dijelaskan **selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh penyewaan**.
2. Tempahan akan **TERBATAL** sekiranya syarat ini tidak dipatuhi.
3. Tempahan yang dibuat **kurang dari tempoh tujuh (7) hari** hendaklah **menjelaskan deposit dan bayaran sewa serta-merta**. Pentadbiran Majlis berhak membatalkan penyewaan sekiranya penyewa gagal menjelaskan bayaran tersebut.
4. Kadar bayaran deposit dan sewa adalah sebagaimana yang telah ditetapkan.
5. Penyewaan Dewan Serbaguna/Kompleks Sukan adalah tertakluk kepada penggunaan yang diluluskan oleh pentadbiran Majlis sahaja. Sekiranya penyewa menyalahgunakan kelulusan tersebut untuk tujuan lain, pentadbiran Majlis berhak membatalkan penyewaan atau mengambil tindakan undang-undang ke atasnya.
6. Program yang berbentuk perhimpunan, konsert dan hiburan **DIWAJIBKAN** mendapat kebenaran daripada **Pejabat Daerah Johor Bahru dan pihak Polis** terlebih dahulu. Manakala bagi tujuan ceramah/seminar kebenaran daripada Pejabat Daerah Johor Bahru dan pihak Polis akan diminta jika perlu.
7. Penyewa perlu memastikan bahawa **program atau pertunjukan yang dijalankan serta para jemputan tidak menimbulkan kacau ganggu** dan tidak mengganggu ketenteraman awam.
8. Tidak dibenarkan menyalakan unggun api, membakar, memanggang dan sebarang kegiatan memasak di dalam dan sekitar kawasan penyewaan (hanya dibenarkan memanaskan makanan sahaja).
9. Penyewa dilarang sama sekali merosakkan bangunan/peralatan/pokok bunga/landskap/rumput di dalam atau sekitar kawasan dewan serbaguna/kompleks sukan.
10. Dilarang sama sekali membawa masuk minuman beralkohol dan dadah.
11. Dilarang sama sekali membuat sebarang penyambungan bekalan elektrik daripada mana-mana sumber kawasan penyewaan tanpa kebenaran pentadbiran Majlis.
12. Dilarang sama sekali menampal atau memaku apa-apa juga gambar/poster yang boleh mendatangkan kerosakan di dalam atau di luar tempat penyewaan. **Pengantungan Banner (Kain Rentang) mestilah mendapat permit terlebih dahulu daripada Jabatan Pelesenan, Majlis Bandaraya Johor Bahru.**
13. Penyewa bertanggungjawab mengawal lalu lintas di kawasan penyewaan bagi mengelakkan kesesakan trafik.
14. Tidak dibenarkan melakukan apa-apa aktiviti yang boleh mencalar, merosakkan lantai dan dinding bangunan.
15. Penyewaan hanya dibenarkan menggunakan dewan sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja.
16. Pentadbiran Majlis tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan/kecederaan akibat daripada aktiviti yang dijalankan oleh penyewa.
17. Penyewa bertanggungjawab sepenuhnya ke atas persiapan tempat (contoh : susunan kerusi,meja, pentas dan lain-lain)
18. **Caj Kebersihan akan dikenakan bergantung kepada jenis penyewaan dan vanue.**
19. Tidak dibenarkan memasang khemah dalam kawasan dewan/kompleks sukan/stadium kecuali dengan kelulusan pihak Majlis.
20. **Jadual penggunaan sepetimana berikut KECUALI mendapat kelulusan :**

Waktu Penggunaan	Waktu Persiapan
7.00 pagi hingga 7.00 malam	8.00 malam hingga 12.00 malam (sebelum hari penyewaan)
8.00 malam hingga 12.00 malam	8.00 pagi hingga 8.00 malam (pada hari penyewaan)

21. Pihak penyewa/pengguna dikehendaki mematuhi semua arahan-arahan yang terdapat dipapan tanda sekitar dewan.
22. Pihak Majlis berhak membuat pemotongan deposit sekiranya penyewa melanggar sebarang syarat-syarat penyewaan.
23. Penyewa / pengguna hendaklah membayar lebih segala kos perbelanjaan bagi membaiki kerosakan atau mengganti alatan yang hilang jika sekiranya kos perbelanjaan tersebut melebihi deposit.
24. Penyewa gelanggang hanya dibenarkan bermain di gelanggang yang disewakan mengikut masa yang telah ditetapkan sahaja.
25. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan atau kemalangan yang berlaku sepanjang tempoh penggunaan.

PERATURAN DAN SYARAT PENYEWAAN DEWAN SERBAGUNA DAN KOMPLEKS SUKAN

BAHAGIAN B : PEMBATALAN

1. Pentadbiran Majlis berhak membatalkan penyewaan sekiranya terdapat penggunaan rasmi daripada badan-badan kerajaan. Pentadbiran majlis akan memaklumkan kepada penyewa selewat-lewatnya tujuh (7) hari lebih awal daripada tarikh penggunaan. Sebarang gantian dari segi masa, hari, bayaran sewa akan dilakukan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
2. Sekiranya terdapat perkara yang menyebabkan penyewa terpaksa membatalkan atau meminda tarikh penyewaan, perkara tersebut perlu dimaklumkan kepada pentadbiran Majlis. Deposit penyewaan akan ditolak untuk dijadikan hasil Majlis sebagaimana kadar berikut :

PEMBATALAN PENYEWAAN	KADAR POTONGAN YANG DIKENAKAN PADA DEPOSIT
Pembatalan penyewaan lebih 1 bulan dari tarikh penyewaan	10%
Pembatalan penyewaan kurang 1 bulan dari tarikh penyewaan	50%
Pembatalan penyewaan yang tidak dimaklumkan oleh penyewa sehingga tarikh penyewaan	100%

PINDAAN TARIKH PENYEWAAN	KADAR POTONGAN YANG DIKENAKAN PADA DEPOSIT
Pindaan tarikh penyewaan lebih 1 bulan dari tarikh penyewaan	10%
Pindaan tarikh penyewaan kurang 1 bulan dari tarikh penyewaan	30%
Pindaan tarikh penyewaan kurang 7 hari dari tarikh penyewaan	50%

BAHAGIAN C : PELANGGARAN SYARAT

1. Penyewa yang melanggar syarat-syarat penyewaan yang telah ditetapkan, maka pihak Majlis berhak membuat pemotongan deposit sebanyak 50%
2. Manakala sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada bangunan dan peralatan yang disewa, pihak Majlis berhak membuat pemotongan deposit sebanyak 50% atau sama jumlah dengan kos kerosakan berkenaan.

BAHAGIAN D : CAJ KEBERSIHAN

BIL	NAMA DEWAN	CAJ KEBERSIHAN
1.	DEWAN JUBLI INTAN	RM100
2.	DEWAN KAMPUNG MELAYU	RM50
3.	DEWAN SRI TEBRAU	RM50
4.	DEWAN SERBAGUNA PERMAS JAYA	RM60
5.	DEWAN TAMAN RINTING	RM50
6.	DEWAN TAMAN ANGGERIK	RM50
7.	DEWAN SERBAGUNA MAJIDI (KDSM)	RM100
8.	DEWAN KOMUNITI PANDAN	RM100
9.	STADIUM BANDARAYA JOHOR BAHRU	RM100